

08 MAR 1997

MANDELA BEREHAT DI LANGKAWI SEBELUM AKHIRI LAWATAN

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Presiden Afrika Selatan Nelson Mandela berlepas ke Langkawi petang ini untuk berehat selepas beberapa acara ketat sejak tiba di sini Khamis lepas dalam lawatan rasmi lima hari ke Malaysia.

Terdahulu, Mandela dan teman wanitanya, Graca Machel menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Istana Negara untuk mengucapkan selamat tinggal.

Di Langkawi esok, pemimpin Afrika Selatan itu akan melawat Galeri Perdana dan Dataran Lang sebelum diraikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu majlis makan malam di Andaman Resort.

Beliau dijadualkan berlepas pulang Isnin ini.

Mandela, yang mengetuai delegasi 115 anggota termasuk menteri, pegawai kanan dan ahli perniagaan, juga telah melawat Filipina, Brunei dan Singapura dalam rangka lawatan ke empat negara Asean.

Semasa di Kuala Lumpur, Mandela mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir, pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan menghadiri dua forum -- satu anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar dan satu lagi oleh Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (Asli). --BERNAMA

ES OBA